

Rujukan Kami: UTM.J.17.03.04.01/10.12/22 (48)
Tarikh : 15 Januari 2026

NOTIS KEPADA PELAJAR BIL. 2/2026

Penghuni MA5
Kolej Tun Dr. Ismail (KTDI)
Universiti Teknologi Malaysia
Johor Bahru

ARAHAN PERPINDAHAN PELAJAR DI BLOK MA5, KTDI KE BLOK MA7, KTDI

Pihak Universiti melalui Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) komited dalam menyediakan kemudahan penginapan yang selesa dan selamat kepada para pelajar dengan melaksanakan kerja-kerja naik taraf di kolej-kolej kediaman. Sehubungan itu, kerja-kerja menaik taraf pendawaian elektrik akan dilaksanakan di Blok MA5, Kolej Tun Dr. Ismail (KTDI) yang dijangka bermula pada Februari 2026.

Berikutan perkara tersebut, pihak pengurusan Universiti telah memutuskan untuk memindahkan semua pelajar yang menginap di Blok MA5, KTDI ke **Blok MA7, KTDI** bagi Semester II Sesi 2025/2026. Butiran perpindahan adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Keterangan
1.	Senarai Nama Pelajar	Pelajar yang terlibat akan ditempatkan di Blok MA7 mengikut jenis bilik yang setara dengan bilik semasa di Blok MA5. Senarai nama pelajar berserta nombor bilik bagi Semester II Sesi 2025/2026 akan dipaparkan di pejabat KTDI serta diumumkan melalui saluran <i>Telegram</i> dan kumpulan <i>WhatsApp</i> rasmi KTDI.
2.	Tempoh Perpindahan	<ol style="list-style-type: none">Semua pelajar yang terlibat akan menginap di Blok MA7 sepanjang Semester II Sesi 2025/2026.Pelajar tidak dibenarkan meninggalkan sebarang barangan peribadi di bilik atau dalam Blok MA5 sepanjang tempoh perpindahan. Sebarang kehilangan atau kerosakan barangan yang ditinggalkan adalah di bawah tanggungjawab pelajar.
3.	Pemulangan Kunci Bilik Semasa	Pelajar hendaklah memulangkan kunci bilik ke pejabat kolej selewat-lewatnya pada 8 Februari 2026 (Ahad) sebelum jam 5.00 petang. Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam Notis Kepada Pelajar Bil. 1/2026 yang dikeluarkan oleh Unit Residen bertarikh 15 Januari 2026.
4.	Pengambilan Kunci Bilik Baharu	Tarikh pengambilan kunci adalah pada 14 – 15 Mac 2026 . Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam Notis Kepada Pelajar Bil. 1/2026 yang dikeluarkan oleh Unit Residen bertarikh 15 Januari 2026.
5.	Penyewaan Bilik Sepanjang Cuti	<ol style="list-style-type: none">Tiada penyewaan bilik dibenarkan di Blok MA5 bagi cuti Semester I Sesi 2025/2026.Pelajar yang ingin menyewa bilik semasa cuti semester boleh membuat permohonan melalui <i>Google Form</i> yang disediakan oleh pihak KTDI. Penentuan blok dan bilik sewaan adalah tertakluk kepada keputusan pihak pengurusan KTDI.

Bil.	Perkara	Keterangan
6.	Penyimpanan Barang Semasa Cuti	<ol style="list-style-type: none"><li data-bbox="545 282 1398 318">1. Tiada stor penyimpanan barang dibuka di Blok MA5.<li data-bbox="545 318 1398 432">2. Pelajar disarankan menyimpan barang di Blok MA6 atau di stor penyimpanan blok lain yang disediakan oleh pihak KTDI. Maklumat lanjut boleh diperoleh di Pejabat KTDI.

Segala maklumat yang terkandung dalam notis ini adalah tertakluk kepada pindaan dan perubahan dari semasa ke semasa. Kami memohon maaf atas kesulitan yang dihadapi dan kami komited untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua pelajar. Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan perkara ini, sila hubungi asrama@utm.my atau ktdi@utm.my.

Sekian, terima kasih.

Unit Residen
Seksyen Perkhidmatan
Bahagian Pengurusan Aset
Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
UTM Johor Bahru